

**NOVEMBER 2020**



**e Newsletter**  
**PEJABAT**  
**HAL EHWAL**  
**PELAJAR**

## **KETUA EDITOR**

**PUAN HAWA BINTI OMAR**

## **EDITOR**

**ENCIK AHMAD KHIRUL NIZAM BIN ALI**

## **PENULIS**

**MOHAMAD FARIS BIN  
NASHARUDDIN**



[pheputhm](https://www.facebook.com/pheputhm)



[heputhm](https://www.instagram.com/heputhm)



[hep.uthm.edu.my](http://hep.uthm.edu.my)

# KANDUNGAN

**TAKLIMAT PANEL PENILAI SESI BIDAAN  
FASA 1/2021 TAHUN 2021**

**PENGAGIHAN SUMBANGAN MAKANAN KERING  
YAYASAN FOOD BANK MALAYSIA**

**SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR**

**TAMAT LATIHAN INDUSTRI SAUDARA MOHAMAD IZ'ZAT BIN ZULKARNAIN**

**ULANG TAHUN KELAHIRAN STAF NOVEMBER**

**PENGAMBILAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI  
SAUDARA MOHAMAD FARIS BIN NASHARUDDIN**

**SESI KUTIPAN SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN PTPTN BIL.2/2020**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA BIL. 2/2020**



[pheputhm](https://www.facebook.com/pheputhm)




[heputhm](https://www.instagram.com/heputhm)



[hep.uthm.edu.my](https://www.hep.uthm.edu.my)

## TAKLIMAT PANEL PENILAI SESI BIDAAN FASA 1/2021 TAHUN 2021

01 NOVEMBER 2020 | AHAD



Pada 01 November 2020 telah berlangsung sesi Taklimat Panel Penilai Sesi Bidaan Fasa 1/2021 Tahun 2021. Taklimat ini telah dilaksanakan menerusi *Google Meet* dan telah dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), Puan Hawa binti Omar. Ketua dan ahli panel adalah dalam kalangan Pengarah HEPA, Pengetua Kolej Kediaman, Timbalan Dekan HEPA Fakulti, Ketua Jabatan HEPA dan Majlis Perwakilan Pelajar. Taklimat ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua panel yang terlibat mengenai proses kerja penilaian bagi permohonan aktiviti pelajar Fasa 1/2021 iaitu mulai Januari hingga Jun 2021.

## PENGAGIHAN MAKANAN KERING SUMBANGAN YAYASAN FOOD BANK MALAYSIA

02 NOVEMBER 2020 | ISNIN



Yayasan Food Bank Malaysia melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah menyumbang dan mengagihkan makanan kering kepada pelajar - pelajar UTHM berkeperluan yang berada di kedua - dua kampus Universiti dan sekitarnya. Sumbangan ini telah diagihkan melalui Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Pagoh. Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yayasan Food Bank Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan rakan - rakan strategik lain atas inisiatif ini. Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu serta memberi manfaat kepada pelajar yang berkenaan.



## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

**05 NOVEMBER 2020 | KHAMIS**

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) telah dilaksanakan pada 05 November 2020 dengan dihadiri oleh semua staf dan Majlis Perwakilan Pelajar. Majlis dimulakan dengan bacaan marhaban diketuai oleh Tn. Hj. Baharudin Yaman dan diikuti dengan Tazkirah Maulid oleh beliau yang bertajuk Ciri-Ciri dan Keperibadian Rasulullah S.A.W. Semoga ianya memberi manfaat kepada semua yang hadir.



## TAMAT LATIHAN INDUSTRI SAUDARA MOHAMAD IZ'ZAT BIN ZULKARNAIN

**05 NOVEMBER 2020 | KHAMIS**



Tahniah diucapkan kepada Saudara Mohamad Iz'zat bin Zulkarnain pelajar Sarjana Muda Seni Reka Grafik (Kepujian) dari Universiti Teknologi MARA (Cawangan Melaka) kerana telah tamat menjalani program Latihan Industri dengan jayanya di Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Saudara Mohamad Iz'zat telah diselia oleh En. Ahmad Khirul Nizam bin Ali, Ketua Bahagian Strategik dan Pembangunan bermula 17 Ogos 2020 sehingga 05 November 2020. Selamat Maju Jaya diucapkan kepada beliau.

## ULANG TAHUN KELAHIRAN STAF NOVEMBER

05 NOVEMBER 2020 | KHAMIS



Selamat Ulang Tahun Kelahiran kepada Encik Yahaya bin Abu Bakar pada 09 November 2020 dan Puan Nor Hidayati binti Hj. Ramlee pada 24 November 2020. Semoga sentiasa sihat sejahtera dan diberkati oleh Allah di dunia dan akhirat.

## PENGAMBILAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI SAUDARA MOHAMAD FARIS BIN NASHARUDDIN

23 NOVEMBER 2020 | ISNIN

Tahniah dan Selamat Datang diucapkan kepada Saudara Mohamad Faris bin Nasharuddin pelajar Diploma Teknologi Maklumat dari Kolej Poly-Tech MARA (Cawangan Batu Pahat) telah diterima untuk menjalani program Latihan Industri di Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP). Selamat menimba pengalaman bekerja di UTHM!



  
**Selamat Datang**  
Saudara Mohamad Faris bin Nasharuddin  
Diploma Teknologi Maklumat  
Kolej Poly-Tech MARA, Batu Pahat  
ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar  
bagi menjalani program Latihan Industri mulai  
23 NOVEMBER 2020 - 12 MAC 2021  
Ikhlas daripada :  
Pengarah dan Warga  
Pejabat Hal Ehwal Pelajar



## SESI KUTIPAN SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN PTPTN BIL.2/2020 KELOMPOK 2

23 NOVEMBER 2020 | ISNIN



Sesi kutipan surat tawaran dan perjanjian PTPTN Bil. 2/2020 Kelompok 2 telah diadakan pada 23 November 2020 yang diketuai oleh Puan Zaharatul Nora binti Jamil di Pejabat Hal Ehwat Pelajar (PHEP). Sesi kutipan kali ini dilaksanakan mengikut norma baharu tanpa kehadiran pelajar di kampus. Terdahulu dokumen PTPTN telah dihantar ke PHEP dan dikumpulkan sebelum Pegawai PTPTN hadir untuk membuat semakan.

## MESYUARAT JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA BIL.2/2020

26 NOVEMBER 2020 | KHAMIS

Pada 26 November 2020 telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Pelajar Bil.2/2020 dan dijalankan secara *hybrid*. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Naib Canselor YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly dengan dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti YBhg. Datuk Nooh bin Gadut, YBrs. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni), Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab yang dilantik serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Mesyuarat ini merupakan kali terakhir melibatkan barisan MPP Sesi 2019/2020. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dan Selamat Maju Jaya diucapkan kepada barisan MPP Sesi 2019/2020.







[pheputhm](#)



[heputhm](#)



[hep.uthm.edu.my](http://hep.uthm.edu.my)

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**

